

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1999/2000

FEBRUARI 2000

RPK 535 – Perancangan Wilayah dan Desa

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. Penekanan kepada isu dan masalah 'supra bandar' membezakan Perancangan Wilayah dengan jenis perancangan yang lain. Oleh itu kerajaan pusat perlu mengagihkan pentadbirannya kepada peringkat kerajaan yang lebih rendah untuk memastikan pelaksanaan pembangunan wilayah yang lebih berkesan. Jelaskan pendapat anda tentang perkara ini.

(25 MARKAH)

2. (a) Jelaskan perbezaan di antara pendekatan Pembangunan Desa yang sering digunakan oleh pengkaji iaitu pendekatan pembaikan dan pendekatan transformasi.
(b) Perancangan Desa menggariskan beberapa model strategi petempatan untuk digunapakai. Jelaskan DUA model perkelompokan desa yang digunakan di Malaysia berdasarkan ciri-ciri penting pelaksanaannya. (Lakaran perlu dimasukkan).

(25 MARKAH)

3. "Perancangan wilayah sememangnya berpotensi untuk menangani masalah-masalah sosial dan ekonomi di dalam kawasan bandar, khasnya pengangguran dan kemiskinan". Bincangkan pendapat ini.

(25 MARKAH)

4. Terangkan tren dan pola ketaksamaan wilayah di negara kita dan huraikan faktor-faktor yang mempengaruhi tren dan pola tersebut.

(25 MARKAH)

5. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan urbanisasi mapan?
 (b) Bagaimanakah urbanisasi mapan boleh dilaksanakan sebagai satu strategi pembangunan wilayah?

(25 MARKAH)

6. "Pembangunan bandar gagal membantu pertumbuhan desa kerana kurang pengintegrasian perhubungan bandar-desa". Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada konsep dan strategi pembangunan wilayah negara kita.

(25 MARKAH)

1. Berdasarkan salah sebuah bandar di Malaysia, bincangkan isu-isu pengangkutan yang perlu dititikberatkan dalam penyediaan rancangan struktur.

(25 MARKAH)

oooOOooo

2. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan penahanan labilitas?
 (b) Dapatkah strategi penahanan labilitas menyelesaikan masalah pengangkutan sama ada di Kuala Lumpur ataupun di Georgetown?

(25 MARKAH)

3. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan struktur bandar?
 (b) Huraikan beberapa strategi pembangunan bandar yang sesuai untuk meningkatkan kualiti pengangkutan awam.

(25 MARKAH)

4. Huraikan empat (4) dari perkara berikut:

- (i) 'Car Pooling' dan Lorong Bas
- (ii) Integrasi Fizikal dan Integrasi Institusi
- (iii) Sistem Pejalan Kaki
- (iv) Sistem Transit Laju
- (v) Sistem Letak Kereta 'Parking'

(25 MARKAH)